

Headline	Tiada diskriminasi golongan berisiko dapat rawatan TKP Kesihatan		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	19 Oct 2015	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	17,812
Page No	5	Readership	53,436
Language	Malay	ArticleSize	97 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 193
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 579



## Tiada diskriminasi golongan berisiko dapat rawatan: TKP Kesihatan

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan tidak mendiskriminasi mana-mana pihak yang ingin mendapatkan rawatan atau perkhidmatan kesihatan termasuk pengguna dadah dan penghidap HIV/AIDS, kata Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman.

“Menjadi komitmen kementerian dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan, tiada sebarang sekatan. Kita tidak membezakan mereka, mereka boleh datang bila-bila masa di mana sahaja untuk mendapatkan perkhidmatan kita,” katanya kepada pemberita pada Persidangan Pengurangan Kemudaratan Antarabangsa Ke-24 di sini kelmarin.

Persidangan merupakan anjuran bersama Harm Reduction International (HRI) dan Majlis Aids Malaysia.

Beliau berkata orang ramai terutama golongan yang terlibat dengan dadah dan penyakit HIV/AIDS tiak perlu merasa takut terhadap stigma masyarakat terhadap mereka sebaliknya perlu memberi perhatian untuk menjalani pemeriksaan dan mendapatkan rawatan.

“Bukan menjadi amalan kementerian untuk mengambil tahu atau bertanya sebarang aktiviti atau gaya hidup pesakit jika mereka datang mendapatkan perkhidmatan kesihatan,” katanya.

- Bernama